

PM: JANGAN GUNA SIMBOL MASING2

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membayangkan Barisan Nasional tidak mungkin membenarkan mana-mana parti komponen menggunakan simbol parti masing-masing dalam pilihanraya umum akan datang.

Bellau menegaskan, jika satu simbol digunakan ia adalah simbol tetapi jika dua simbol digunakan ia menjadi kompleks dan kalau tiga simbol pula digunakan ia akan bertambah kompleks lagi.

"Bagaimanapun, saya ingin tahu apakah motif di belakang hasrat menggunakan simbol parti masing-masing ini," tegas Perdana Menteri.

Bellau berkata demikian dalam satu sidang akhbar di pejabatnya petang ini ketika mengulas ura-ura beberapa buah parti komponen yang ingin bertanding menggunakan simbol parti masing-masing dalam pilihanraya umum akan datang.

Beberapa buah dari 11 parti komponen telah melahirkan pandangan agar partinya dibenarkan bertanding menggunakan parti mereka sendiri. Antaranya ialah MCA dan Gerakan manakala di

Sabah pula USNO dan Berjaya.

Pengerusi Barisan Nasional menyatakan apa yang berlaku di Sabah iaitu antara USNO dan Berjaya merupakan 'satu perkara yang telah berlaku'.

"Saya tidak menyatakan apa yang berlaku di Sabah itu mesti berlaku lagi. Saya sendiri tidak mahu melihat perkara itu berlaku."

Mengenai pertelingkahan dalam BN bellau berkata: "Pertelingkahan memang sentiasa berlaku dalam BN seperti juga berlaku semasa Perikatan dulu."

"Tetapi kita dapat mengatasi masalah ini kerana pemimpin parti komponen sentiasa menggunakan budibicara mereka."

"Ini disebabkan mereka tidak terbawabawa kepada isu-isu emosional dan saya yakin semua isu yang timbul akan dapat ditenteramkan," tegas bellau.

Mengenai pilihanraya umum, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, ia akan diadakan antara April ini hingga Ogos tahun depan.

"Saya ingin menyatakan di sini bahawa ia tidak mungkin diadakan sebelum April kerana jika diadakan sebelum April ia mesti sudah ada sesuatu dibuat," jelas

bellau.

Mengenai kenyataannya di Alor Setar bellau berkata, "Jika anda berada di sana, anda sudal, tentu tidak menyangka apa yang saya cakapkan itu tidak sama apa yang diterbitkan dalam akhbar."

Bagaimanapun, katanya, "Saya tidak menyatakan salah tetapi terserah kepada akhbar untuk mentafsir atau membuat spekulasi masing-masing."

Mengenai kedudukan bekas Menteri Besar Pahang, Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar bellau berkata, "Saya tidak dapat menentukan masa depan Haji Rahim tetapi kalau dalam masa dua atau tiga hari itu mungkin juga."